



KEMENTERIAN  
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



KEMENTERIAN DIGITAL

## INDUSTRI PUSAT DATA: KERANGKA KERJA MAMPAH MENJELANG OKTOBER 2025; MIDA SEBAGAI AGENSI UTAMA BAGI KELULUSAN PELABURAN BERKAITAN PUSAT DATA

---

**Mesyuarat Pasukan Petugas Pusat Data** (*Data Centre Task Force – DCTF*) pada 21 Julai 2025 telah mengambil maklum bahawa **Kementerian Digital (KD)** akan **menghasilkan Kerangka Kerja Pusat Data** yang mampan pada bulan **Oktober 2025** bagi **memastikan dasar dan pelaksanaan pembangunan pusat data diselaras secara menyeluruh, telus dan proaktif** untuk memacu pertumbuhan ekonomi digital negara.

Selain itu, DCTF juga **memutuskan bahawa Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan menjadi *focal point* dan agensi utama bagi meluluskan kesemua pemohonan projek baharu dan pengembangan pelaburan sedia ada berkaitan pusat data**. Perakuan dan koordinasi di peringkat DCTF bagi pelaburan dan pengembangan pusat data adalah penting untuk **memastikan setiap inisiatif dan pelaksanaan projek pusat data dapat direalisasikan dengan tersusun, serta mengelakkan pertindihan fungsi dan juga insentif pelaburan**. Sehubungan itu, **koordinasi strategik bersama semua agensi berkaitan dan kerajaan negeri perlu dilaksanakan secara sistematis bagi menyokong pembangunan ekosistem pusat data negara secara lebih mampan, berdaya saing, strategik dan mesra pelabur**.

DCTF telah ditubuhkan pada bulan Februari 2025 dengan tujuan untuk **merangka, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar serta inisiatif pembangunan industri pusat data negara**, merangkumi aspek perancangan, kelulusan pelaburan dan keperluan infrastruktur. Mesyuarat DCTF hari ini telah **dipengerusikan bersama oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz, dan Menteri Digital, YB Tuan Gobind Singh Deo**. Ianya turut dihadiri YB Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Pegawai-Pegawai Kanan daripada Kementerian

Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Digital (KD) serta wakil-wakil daripada kementerian dan agensi berkaitan.

Tengku Zafrul berkata, "**Dengan dasar yang jelas dan konsisten, Malaysia telah berjaya menarik dan meningkatkan pelaburan pusat data ke Malaysia.** Pusat data amat penting sebagai **pemacu ekonomi digital**, dengan **anggaran pengganda ekonomi yang tinggi**. Justeru, **sinergi dasar antara MITI dan KD** amat penting dalam **memperkuuh daya tarikan Malaysia sebagai hab serantau utama untuk pelaburan pusat data** dan infrastruktur digital bagi terus menyokong pembangunan ekonomi Malaysia dalam jangka panjang."

Gobind berkata, "Kementerian Digital bertanggungjawab memastikan ekonomi digital Malaysia dibangunkan dengan teratur dan mampan. Sehubungan itu, **Kerangka Kerja Pusat Data yang Mampan** yang akan dilancarkan menjelang bulan Oktober 2025 ini akan **memastikan dasar dan pelaksanaan pembangunan pusat data diselaras secara menyeluruh**. Dasar yang telus dan tuntas penting untuk terus meyakinkan pelabur mengenai **matlamat pertumbuhan mampan ekonomi digital negara bagi manfaat rakyat dan sektor perniagaan Malaysia.**"

#### **KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN & INDUSTRI**

#### **& KEMENTERIAN DIGITAL**

**22 JULAI 2025**

Tentang MITI: MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Tentang KD: KD adalah peneraju pendigitalan negara secara holistik bagi mempertingkatkan daya saing, inklusiviti dan daya tahan pendigitalan negara berasaskan tiga tonggak utama yang menjadi tunjang kepada pembentukan Negara Digital, iaitu Kerajaan Digital, Ekonomi Digital dan Masyarakat Digital. Melalui Tonggak Ekonomi Digital. KD bertanggungjawab untuk memperkasakan ekosistem perniagaan digital seiring perkembangan teknologi digital terkini.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Strategik, MITI

No tel : 03 – 62002091 Emel: komunikasistrategik@miti.gov.my